

BAB 9

Untuk memelihara keharmonian dalam kalangan masyarakat di negara kita yang terdiri daripada pelbagai kaum dengan aspirasi masing-masing, kita perlu mengamalkan sikap bermuafakat.

Dalam konteks negara kita, setiap kaum atau golongan perlu bertolak ansur dan tidak hanya memberi perhatian kepada kepentingan masing-masing dengan mengabaikan kepentingan kaum lain.

Oleh itu, setiap pihak harus bersikap terbuka dan sedia mendengar pandangan daripada pihak lain. Kita perlu lihat sesuatu isu dari sudut pihak lain agar tiada pihak yang berasa tersinggung dan terabai.

Sikap toleransi juga perlu ada semasa melakukan sesuatu rundingan. Kita perlu berempati terhadap pihak lain dan sentiasa sedia menerima kelemahan dan kekuatan pihak lain agar kata sepakat dapat dicapai.

(Mana-mana jawapan munasabah diterima)

(Maksimum = 4 markah)